Saya mencadangkan supaya SPR dengan kerjasama Parlimen menubuhkan perwakilan negeri-negeri dimana fungsinya seakan-akan sama seperti duta-duta negara asing di Malaysia, ini kerana seperti Panel sedia maklum, terdapat banyak orang-orang negeri yang bermastautin di negeri lain, seperti saya sendiri yang berasal dari Sarawak dan bermastautin di Sabah. malah ada beberapa orang negeri-negeri seperti orang kelantan, johor, selangor dan sebagainya yang turut bekerja di sabah. masalah yang timbul adalah setiap kali PRK, PRN Sarawak atau PU, mereka-mereka yang bekerja di negeri-negeri yang lain menghadapi kesukaran untuk balik, hanya untuk mengundi. contohnya banyak orang Sarawak yang bekerja dan tinggal di Johor, Tidaklah ini menyusahkan mereka, dari segi kos balik, tambang, perjalanan, akhirnya paling mudah, tak payah balik. Bukankah ini satu pembaziran akibat ketidakhadiran mengundi dan bilangan pengundi yang kurang. Memang ada keperluan untuk menukar alamat bagi pengenalan untuk membolehkan pengundi mengundi di tempat baru. tetapi berapa ramaikah yang berbuat demikian? Saya melihat SPR patut meneliti cadangan saya ini kerana sebagai negara yang demokrasi, SPR patut memikirkan cara untuk menyenangkan pengundi, bukan semakin menyusahkan. cadangan supaya pengundi menukarkan alamat lama kepada alamat baru hanya membuang masa kerana tidak semua orang mahu berbuat demikian, dan akan menimbulkan masalah lain seperti daftar pengundi tidak padan, parti politik mungkin melihat pengundi ini pengundi hantu kerana orang yang bukan berasal dari tempat itu, tetiba datang mengundi.

Osman Bin Simpo
790702-13-5313
84, kampung Panglima Seman Ulu, Petra Jaya, 93050 Kuching.